

Undang-undang tidak halang Najib jadi PM - Tun M

Sinar Harian - 9/2/2021 m/d: 5

SHAH ALAM - Undang-undang di Malaysia tidak akan menghalang Datuk Seri Najib Tun Razak daripada menjadi ahli Dewan Rakyat atau perdana menteri sekali lagi.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, masa yang diambil bagi penangguhan pelaksanaan hukuman akan mencecah lebih setahun sebelum kesnya dibawa ke Mahkamah Persekutuan.



DR MAHATHIR

“Sekarang Mahkamah Rayuan sudah sahkan keputusan Najib bersalah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi. Oleh kerana ia tidak bercanggah dengan undang-undang, banduan Najib tidak akan menjalani hukuman kerana Najib membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan.

“Ini hak hakim. Belum pernah ada kes sebesar jenayah yang dilakukan oleh Najib. Ia adalah satu rekod

dunia, mengikut Jabatan Keadilan (DOJ), Amerika Syarikat. Orang yang didapati bersalah kecil pun tidak pernah mendapat penangguhan pelaksanaan seperti ini.

“Najib mungkin terpaksa tunggu sampai setahun atau lebih sebelum kesnya sampai ke Mahkamah Persekutuan. Pada masa itu dia bebas seperti orang yang tidak bersalah.

“Kalau dia dibenar terus jadi ahli Dewan Rakyat, apakah dia juga dapat bertanding dalam Pilihan Raya 15. Jika menang, apakah dia boleh jadi perdana menteri juga,” kata Dr Mahathir dalam hantaran di Facebooknya.